# TEMA 14 Ekonomi Mapan, Negara Makmur

## Sistem Bahasa (Kertas 1)

### Bahagian A

*Ayat-ayat di bawah* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* A, B *atau* C *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* D.
*Pilih jawapan yang* **paling sesuai**.

1 Para tetamu-tetamu (A) dijemput untuk masuk ke (B) dewan kerana (C) majlis akan bermula sebentar lagi. Tiada kesalahan (D)

2 Seminar tentang (A) ekonomi dunia itu dihadiri oleh mereka-mereka (B) yang pakar dalam (C) bidang kewangan. Tiada kesalahan (D)

3 Rombongan yang akan (A) menyertai ekspedisi (B) berkayak telah bertolak sejak daripada (C) awal pagi lagi. Tiada kesalahan (D)

4 Jus (A) minuman botani (B) usahawan terkenal itu banyak dijual di pasaraya (C). Tiada kesalahan (D)

### Bahagian B

*Tukarkan* **cakap ajuk** *di bawah kepada* **cakap pindah**.

1 "Tolong, tolong, ada pencuri meragut beg saya," jerit Amy.

________________________________________

2 "Begini caranya membuat kuih baulu," kata nenek kepada Azlina.

________________________________________

3 "Mengapakah kamu lewat datang ke sekolah?" tanya Cikgu Asri kepada Manaf.

________________________________________

4 "Kalian mesti segera menyelesaikan kerja rumah yang saya berikan semalam," kata Cikgu Zainab kepada murid-muridnya.

________________________________________

________________________________________

5 "Mengapakah projek pembinaan di kawasan ini dihentikan?" tanya Badrul kepada bapanya.

________________________________________

________________________________________



LIVEWORKSHEETS